

Kerjasama capai kemiskinan sifar 2010

S.H 30/05/08 M/S 3

SHAH ALAM - Hasrat kerajaan negeri untuk memastikan kemiskinan sifar menjelang tahun 2010 mampu dicapai dengan kerjasama semua pihak.

Timbalan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Mohtar Hani berkata, melalui Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) yang dianjurkan dapat membantu golongan miskin khususnya di kawasan bandar.

“Program ini digerakkan atas inisiatif pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sejak tahun 2006 yang bertujuan untuk mencapai sasaran sifar miskin tegar dan menurunkan kadar kemiskinan kepada 2.8 peratus menjelang 2010,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Taklimat Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) di Dewan Bankuet, MBSA di sini, semalam.

Bagi merealisasikan matlamat itu, tambah Mohtar, pihak majlis dengan penglibatan ahli-ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta pemimpin masyarakat telah mengadakan beberapa siri taklimat dan penerangan bagi mengenal pasti penduduk miskin dan miskin tegar di kawasan pentadbiran MBSA.

“Bagi menjayakan program ini, kita memberi tumpuan kepada tiga (3) aspek iaitu penambahbaikan kualiti kehidupan, peningkatan pendapatan dan bina upaya di dalam keluarga miskin. Apa yang kita harapkan, ia dapat membantu mempertingkatkan taraf hidup masyarakat dan membantu meringankan bebanan hidup yang semakin meningkat pada masa ini,” ujarnya.

Sehubungan itu, pihak majlis memerlukan kerjasama daripada semua pihak bagi mengenal pasti individu yang berpotensi untuk dibantu dan diberikan bantuan sewajarnya.